



TEKS UCAPAN
SIDANG MEDIA YB MENTERI BELIA DAN SUKAN
PEMBUKAAN SEKTOR SUKAN DAN REKREASI FASA 2
8 JUN 2020

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Patik merafak **sembah menjunjung kasih** dan **setinggi-tinggi ucapan tahniah** kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda **Yang Di-Pertuan Agong** Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah **sempena ulang tahun hari keputeraan rasmi** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Patik dan **seluruh warga komuniti sukan di Malaysia** berdoa agar **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku** sentiasa diberkati dan dirahmati Allah SWT serta dikurniakan kesihatan bagi meneruskan pemerintahan dan memayungi rakyat jelata serta negara.

Dirgahayu Tuanku. Daulat Tuanku!

YAB Perdana Menteri dalam ucapan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) semalam, 7 Jun 2020 telah mengumumkan beberapa langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memasuki fasa pemulihan COVID-19. Fasa pemulihan ini adalah sebahagian daripada *exit strategy* atau strategi keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020.

2. Antara sektor yang telah menerima nafas baru dan dibenarkan untuk dibuka semula adalah sektor sukan dan rekreasi yang telah sekian lama dinanti-nantikan, khususnya oleh komuniti sukan dan industri sukan di Malaysia. Kerajaan telah mengambilkira 3 objektif utama dalam pelaksanaan pembukaan sektor sukan dan rekreasi fasa 2 pemulihan ekonomi negara, iaitu:-

- i) untuk membenarkan rakyat untuk kembali menjalankan **gaya hidup sihat** melalui aktiviti bersukan dan rekreasi;
- ii) untuk membenarkan **sektor industri sukan** – operator fasiliti sukan, perniagaan sukan, dll untuk kembali beroperasi, menjana pendapatan dan menyumbang kepada ekonomi negara; dan
- iii) untuk **komuniti sukan dan atlet** mengamalkan pembudayaan sukan dengan **pematuhan kepada SOP** sebagai norma baharu aktiviti sukan dan rekreasi di Malaysia.

3. Dalam pengumuman YAB Perdana Menteri tersebut, beliau telah mengumumkan beberapa perkara dalam sukan **yang dilarang** dan juga **yang dibenarkan** dengan syarat pematuhan kepada **SOP-SOP yang akan ditetapkan**, antaranya:

- i) **Kebenaran untuk latihan persediaan pasukan;**
- ii) **Aktiviti sukan yang tidak melibatkan sentuhan badan dan aktiviti berkumpul di luar;**
- iii) **Tidak dibenarkan pertandingan sukan atau permainan yang melibatkan perhimpunan penyokong atau penonton yang ramai; dan**
- iv) **Tidak dibenarkan sukan renang dan kolam renang awam.**

4. Dalam Sidang Media oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada jam 2 petang tadi juga, beliau turut **mengumumkan perincian kepada keputusan Kerajaan dan SOP** pembukaan sektor sukan dan rekreasi fasa 2 yang juga telah **dibentang oleh saya, selaku Menteri Belia dan Sukan** dan ia telahpun dipersetujui setelah dibahas dalam **Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan PKP** yang bersidang pada Sabtu yang lepas, 6 Jun 2020.

5. Seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan, Mesyuarat telah bersetuju untuk **membenarkan pembukaan semula gimnasium, dewan tertutup (indoor venue seperti dewan badminton, kompleks sukan pelbagai, pusat snuker, dan pusat-pusat sukan yang lain)** bermula 15 Jun 2020. **Dewan tertutup (indoor venue)** berada dalam senarai **TERLARANG** sebelum ini, tetapi kini telah dibenarkan.

6. Bagaimanapun, mengikut SOP pengurusan yang terbaru, operator kompleks / pusat sukan perlu untuk **mengisi borang notifikasi pembukaan terlebih dahulu** melalui laman web **MITI (notification.miti.gov.my)** bagi tujuan rujukan dan pematuhan SOP serta untuk tujuan pemantauan oleh

Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Portal notifikasi tersebut boleh diakses bermula pada hari ini Isnin, 8 Jun 2020.

7. Mesyuarat juga bersetuju untuk memberi kebenaran kepada orang awam untuk melakukan aktiviti sukan dan rekreasi yang **tidak ada sentuhan badan** (*non-contact*), **di dalam atau luar dewan** (*indoor and outdoor facilities*) bermula 15 Jun 2020, contohnya seperti:

- i) sukan **individu** – badminton, olahraga, angkat berat;
- ii) sukan **permotoran** - dua roda dan empat roda;
- iii) sukan **ekstrem** – payung terjun, papan luncur, paramotor; dan
- iv) sukan **rekreasi / riadah** – senamrobik, yoga.

8. Kebenaran ini perlu mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya **1 hingga 3 meter** (untuk aktiviti **statik** seperti angkat berat dalam gimnasium, berlari atas treadmill) dan **3 hingga 5 meter** (untuk aktiviti **dinamik** seperti aerobik, zumba, latihan bola sepak, hoki, bola jaring dan ragbi).

9. Bagi **sukan berpasukan** seperti bola sepak, hoki, ragbi, bola jaring; dan **sukan tempur / kombat** seperti karate, taekwondo, silat dan sebagainya, **keputusan masih kekal tidak boleh dimainkan secara permainan seperti match play.**

10. Bagaimanapun, ia dibenarkan untuk **tujuan latihan sahaja tanpa sentuhan badan** (*non-contact*) dengan penjarakan sosial **3 hingga 5 meter** antara seorang dengan seorang yang lain semasa latihan. Ini secara

langsung memberi **kebenaran kepada pasukan bola sepak kebangsaan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan juga pasukan bola sepak negeri / kelab-kelab di bawah MFL serta akademi-akademi lain yang berdaftar untuk memulakan latihan bolasepak secara tidak bersentuhan badan (non-contact)** mengikut SOP Am Individu dan SOP Am Pengurusan yang ditetapkan. Ini merupakan **langkah permulaan** sepertimana di negara-negara luar seperti Liga Premier Inggeris (EPL) yang telah memulakan fasa pertama dengan latihan *non-contact*.

11. Seperti yang disebut oleh YAB PM dan YB Menteri Kanan Pertahanan juga, **Penganjuran Kejohanan, Acara dan Pertandingan Sukan** masih **KEKAL TIDAK DIBENARKAN LAGI** untuk fasa ini bagi mengelakkan perhimpunan ramai (*mass gathering*).

12. Aktiviti **sukan air di kolam renang** juga masih **KEKAL TIDAK DIBENARKAN**. Akan tetapi, pihak **KBS, MKN dan KKM akan terus berbincang dan menyelaraskan** SOP-SOP yang **lebih terperinci** sebelum dibawa semula ke Mesyuarat Khas tersebut **dalam masa yang terdekat** untuk keputusan.

13. Secara asasnya, terdapat 4 perkara dalam **senarai LARANGAN** sektor sukan dan rekreasi fasa 2 ini iaitu:

- i) **Tiada penganjuran sebarang kejohanan dan pertandingan;**
- ii) **Tiada aktiviti sukan dan rekreasi secara bersentuhan badan** (seperti sukan karate, taekwondo, silat dan permainan bola

sepak, hoki, ragbi sebagainya – **kecuali** untuk latihan tanpa sentuhan badan – ***non contact training***);

- iii) **Tiada permainan atau perlawanan** bagi sukan berpasukan dan sukan tempur/kombat (seperti bola sepak, hoki, ragbi, taekwondo, silat dan sebagainya); dan
- iv) **Tiada aktiviti dalam kolam renang.**

14. Pihak MKN dan KBS akan memuat naik (*upload*) **SOP yang terkini pada hari ini atau dalam masa yang terdekat** sebagai **rujukan** oleh individu dan juga pengurus / operator fasiliti untuk **membuat perancangan dan pelaksanaan pembukaan fasiliti sukan dan rekreasi**. Secara amnya, SOP tersebut dibahagikan kepada 2 jenis – (i) **Protokol Am Individu**, dan (ii) **Protokol Am Pengurusan**.

15. Terdapat **12 perkara dalam Protokol Am Individu** yang perlu dipatuhi oleh individu perseorangan. Antara yang paling penting dan ingin saya ingatkan disini adalah:

- i) INDIVIDU perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi **MySejahtera** ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat (*contact tracing*);
- ii) **Tidak bersalaman** / bersentuhan antara satu sama lain;
- iii) **Kurangkan interaksi sosial**;
- iv) **DILARANG berkongsi** air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi; dan
- v) **Aktiviti untuk kanak-kanak dibawah 12 tahun dan ke bawah, golongan OKU dan warga emas berumur 60 dan ke atas adalah tidak digalakkan.**

16. Terdapat **18 perkara dalam Protokol Am Pengurusan** yang perlu dipatuhi oleh pemilik / Operator / Badan Sukan. Antara yang paling penting dan ingin saya ingatkan adalah:

- i) **Operator Premis** perlu pastikan operasi premis dimaklumkan melalui **notification.miti.gov.my** bagi tujuan **pematuhan SOP dan pemantauan oleh Kementerian Belia dan Sukan;**
- ii) **Operator Premis** perlu juga **menyediakan Tatacara (SOP Dalaman)** berkaitan pencegahan penularan Covid-19 yang selari dengan SOP MKN;
- iii) Individu yang **tidak berkenaan TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam premis / venue;
- iv) **Kawalan bilangan petugas dan pengguna** pada setiap sesi mengikut keluasan premis / venue;
- v) **Operasi premis secara berjadual** digalakkan;
- vi) **Merekod aktiviti masuk dan keluar** di semua premis / venue;
- vii) **Peralatan** yang digunakan dibersihkan dan **dinyahkuman sebelum dan selepas penggunaan;**
- viii) Penggunaan bilik mandi / persalinan **dihadkan bilangan** pengguna yang minima; dan
- ix) Pembersihan dan **nyahkuman premis / peralatan mengikut kekerapan penggunaan.**

17. **Senarai Lengkap Protokol Am Individu, Protokol Am Pengurusan** dan **Senarai Aktiviti yang Dibenarkan dan Terlarang** akan juga **diedarkan** dan **dipaparkan** dalam **laman web dan laman sosial KBS** untuk rujukan.

18. Pembukaan fasiliti akan dibenarkan selepas selesai notifikasi dibuat dan bermula 15 Jun 2020 bagi **memberi sedikit masa kepada operator** fasiliti untuk **membuat perancangan dan persiapan pembukaan** dengan teliti **mengikut SOP yang telah ditetapkan.**

19. **Untuk sukan permotoran**, seperti sukan-sukan yang lain, acara kejohanan dan pertandingan (*races*) masih **tidak dibenarkan** buat masa sekarang. Ini selari dengan keputusan aktiviti larangan untuk apa-apa kejohanan dan acara untuk mengelakkan dari himpunan orang ramai (*mass gathering*). Walau bagaimanapun, **track day** untuk sukan bermotor dua roda dan empat roda dibenarkan untuk pengujian kenderaan dengan keperluan untuk mematuhi SOP-SOP yang ditetapkan seperti penjarakan sosial untuk semua aktiviti dan lokasi di dalam trek.

20. Sebagai penutup, ingin saya syorkan strategi **tujuh (7) rakan kongsi komuniti sukan dan rekreasi** yang **memegang tugas dan tanggungjawab bersama** untuk kita sama-sama **melaksanakan dan menjayakan SOP-SOP** yang telah digariskan oleh pihak berkuasa mahupun SOP oleh operator fasiliti dan badan-badan sukan kebangsaan yang berkaitan:

- i) **Pemilik / operator fasiliti (tertutup atau terbuka);**
- ii) **Pengurus Kelab / Akademi;**
- iii) **Pekerja / Staf;**
- iv) **Jurulatih-Jurulatih;**
- v) **Pelatih / Atlet / Pemain;**
- vi) **Ibubapa / Penjaga; dan**
- vii) **Pengunjung / Komuniti / Orang Ramai.**

21. Sekiranya 7 rakan kongsi komuniti sukan kita semua ini dapat bekerjasama dan saling mengingatkan dan mematuhi SOP-SOP yang ditetapkan, InsyaAllah, kita akan dapat **sama-sama bersukan dalam suasana yang lebih selamat, terkawal dan dapat mengurangkan risiko penyebaran** pandemik Covid. Ini adalah **tanggungjawab kita bersama.**

Itu sahaja pengumuman saya pada hari ini, dan saya membuka kepada ahli-ahli rakan media untuk mengemukakan soalan-soalan.

Wabillahi al-taufil walhidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.